

Komunikasi kepemimpinan positif pacu produktiviti pekerja

Dr Nur Izzaty Mohamad,
Pensyarah
Kanan Pusat
Pengajian Ilmu
Kemanusiaan,
Universiti Sains
Malaysia (USM)

Tekanan kerja semakin diiktiraf sebagai isu kritikal menjejaskan kesejahteraan individu dalam organisasi berdaya saing. Tekanan kerja yang tidak ditangani dengan berkesan boleh membawa kepada pelbagai masalah kesihatan mental seperti kebimbangan, kemurungan dan keletihan melampau, sekali gus menurunkan tahap produktiviti organisasi.

Individu yang mengalami tekanan kerja berpanjangan berisiko mengalami gangguan terhadap sistem imun badan, akhirnya memberi kesan kepada kesejahteraan psikologi serta kesihatan fizikal.

Tekanan berterusan turut mencetuskan tindak balas fisiologi seperti peningkatan kadar denyutan jantung dan tekanan darah, yang dalam jangka panjang boleh menjejaskan daya tahan tubuh serta prestasi kerja. Tuntutan kerja yang tinggi, beban tugas meningkat dan harapan besar organisasi sering menyebabkan pekerja tertekan, letih serta tidak berdaya. Namun, satu aspek penting sering diabaikan dalam menangani isu ini ialah gaya komunikasi pemimpin.

Komunikasi kepemimpinan berkesan berperanan sebagai benteng utama dalam mengurangkan tekanan kerja dan memperkukuh kesejahteraan psikologi warga organisasi. Kepemimpinan berkesan bukan sekadar menyampaikan arahan, bahkan mencerminkan keupayaan pemimpin mendengar, memahami dan menyokong keperluan emosi serta psikologi pekerja.

Apabila kesejahteraan psikologi terpelihara, produktiviti dan kualiti kerja turut meningkat yang boleh menjadi asas kepada kelestarian sumber manusia dalam organisasi moden.

Kajian dalam bidang psikologi organisasi menunjukkan komunikasi positif dapat mengurangkan tekanan dan membina iklim kerja sihat. Pemimpin berkomunikasi dengan berhemah mampu memahami keperluan emosi dan psikologi ahli pasukan mereka.

Pendekatan komunikasi dua hala menekankan pendengaran aktif, maklum balas positif dan empati dapat membantu pekerja berasa dihargai serta diiktiraf yang secara langsung dapat meningkatkan tahap kepuasan kerja dan kesejahteraan psikologi.

Sedia ruang suarakan pandangan

Komunikasi berkesan juga berfungsi sebagai mekanisme penting dalam pengurusan tekanan kerja. Apabila maklumat disampaikan dengan jelas dan tepat, pekerja dapat memahami hala tuju organisasi, jangkaan tugas serta mempunyai ruang menyuarakan pandangan. Keadaan ini bukan sahaja mengurangkan ketegangan emosi, bahkan mengukuhkan rasa kesetiaan terhadap organisasi.

Pemimpin ialah cerminan budaya organisasi. Cara mereka berkomunikasi akan menentukan suasana dan emosi keseluruhan pasukan. Apabila pemimpin berkomunikasi dengan nada tenang, empati dan penuh penghargaan, pekerja berasa lebih dihormati serta yakin terhadap diri sendiri. Sokongan emosi daripada pemimpin memberikan

rasa selamat apabila pekerja boleh bersuara tanpa rasa takut disalah tafsir atau dihukum. Dalam persekitaran seperti ini, kreativiti dan kerjasama akan berkembang dengan lebih baik.

Sebaliknya, komunikasi kasar, mengarah tanpa mendengar atau disampaikan dengan nada negatif boleh menimbulkan rasa rendah diri, kecewa serta ketegangan dalam kalangan pekerja. Dalam jangka panjang, situasi ini boleh membawa kepada keletihan emosi dan menjejaskan kesejahteraan psikologi pekerja. Oleh itu, perlu disedari komunikasi bukan sekadar soal teknik, tetapi soal kejujuran, empati dan nilai kemanusiaan.

Dalam konteks organisasi moden, komunikasi kepemimpinan berkesan perlu bersifat dua hala dan inklusif. Komunikasi berkesan bukan sekadar alat pengurusan penyampaian maklumat, tetapi satu bentuk sokongan psikologi yang membina hubungan kerja sihat, harmoni dan produktif.

Oleh itu, setiap pemimpin perlu memperkukuh kemahiran komunikasi interpersonal serta mengamalkan pendekatan komunikasi inklusif serta berpaksikan nilai kemanusiaan.

